



## **BAB 11 KESIMPULAN**

**PELAN INDUK LANDSKAP MAJLIS DAERAH JERANTUT**



## 11.0 KESIMPULAN

Penyediaan Pelan Induk Landskap ini merupakan usaha untuk memartabatkan pembangunan landskap di Daerah Jerantut sejajar dengan arus perdana dan keperluan pada masa hadapan. Ia menyarankan pembangunan mampan melalui konsep Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Jerantut iaitu **“Jerantut Persekitaran Terpelihara, Ceria dan Sejahtera”** dengan mengemukakan asas perancangan berasaskan strategi pemeliharaan, pemuliharaan dan pembangunan.

Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Jerantut menggariskan rangka kerja yang menjadi panduan kepada pembangunan landskap dan memastikan ianya selaras dalam menjayakan usaha menjadikan Negeri Pahang semakin maju dan menekankan teknologi hijau. Pendekatan yang diambil juga mempertimbangkan faktor-faktor isu dan potensi sedia ada di tapak melalui kaedah analisa landskap yang telah dijalankan.

Konsep ini menekankan aspek warisan sejarah, budaya, cara hidup serta sumber alam semulajadi dengan melakukan pembangunan secara mampan bagi meningkatkan kualiti persekitaran.

Imej dan identiti bagi Daerah Jerantut diberi penekanan khususnya di kawasan pintu masuk persempadanan, kawasan bandar dan pekan kecil serta kawasan tumpuan penduduk seperti kawasan lapang dan rekreasi serta kawasan tarikan pelancongan. Selain itu, rangkaian hijau, teknologi hijau, konsep bandar selamat adalah keselesaan, indah dan menarik antara kaedah dan pendekatan yang diaplikasikan di keseluruhan Daerah Jerantut untuk mendapatkan persekitaran yang selesa dan selamat.

Melalui cadangan Pelan Induk Landskap yang disediakan ini, penekanan terhadap lima kawasan tindakan, penyediaan garis panduan landskap serta cadangan pengurusan bagi Majlis Daerah Jerantut turut dihuraikan secara terperinci. Cadangan tema pembangunan yang dikemukakan amat bersesuaian dalam memberi kesan pemulihan kepada Daerah Jerantut keseluruhannya dalam mencari imej dan identitinya tersendiri.

Peningkatan imej dan identiti baru ini akan secara tidak langsung menarik pengunjung-pengunjung dari luar terutamanya untuk datang dan bakal memberi impak yang baik untuk industri pelancongan dan ekonomi Daerah Jerantut itu sendiri. Diharap juga, tema pembangunan landskap yang dikemukakan dapat diketengahkan serta diguna pakai di dalam setiap perancangan dan cadangan pembangunan agar Daerah Jerantut dapat

Mencapai matlamatnya iaitu **“Jerantut Persekitaran Terpelihara, Ceria dan Sejahtera”**. Sehubungan itu, semua pihak perlu bekerjasama dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membangunkan landskap Daerah Jerantut sebagaimana yang telah dicadangkan, berpandukan garis panduan dan strategi pelaksanaan Pelan Induk Landskap bagi tempoh 10 tahun akan datang.



